

31 JAN 2004

Mahathir-Nurul

TUN MAHATHIR SEDIH KEMATIAN NURUL DIPOLITIKKAN

ALOR STAR, 31 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad hari ini melahirkan rasa sedih dan kesal dengan sikap parti pembangkang yang sanggup mempolitikkan kes rogol dan bunuh seorang pelajar tahun empat, Nurul Huda Ghani.

Beliau berkata tindakan mereka itu adalah biadap kerana sanggup memainkan isu yang amat menyedihkan semua pihak terutama keluarga kanak-kanak yang menjadi mangsa itu.

"Saya amat sedih dengan orang PAS ini, ini yang terlewat sekali yang disebut...kononnya Nurul Huda, umur 10 tahun dirogol dan dibunuh kerana bapanya adalah ketua cawangan Umno dan kerana Umno menolak hudud PAS maka kerana itu Tuhan menyebabkan Nurul Huda dirogol dan dibunuh.

"Bagi Pas semua adalah isu politik yang boleh dimainkan...itulah Pas," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Gerak Kerja Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) negeri Kedah di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai surat pembaca dalam Forum Utusan Malaysia pada Khamis lepas yang mendedahkan perbuatan seorang khatib di Masjid Batu, Permatang Pauh, Pulau Pinang, yang mempersendakan kematian Nurul Huda dan keluarganya ketika khutbah Jumaat.

Khatib itu yang dikatakan pro-pembangkang mengaitkan kematian Nurul Huda, 10, yang dirogol dan dibunuh di Tanjung Kupang, Gelang Patah pada 17 Januari lepas, dengan hukuman Allah kerana bapanya ketua Umno Cawangan Pekajang bersengkongkol dengan Umno yang menentang hukum hudud.

Tun Mahathir yang juga penasihat pilihan raya negeri Kedah berkata, oleh itu rakyat perlu menolak PAS dan adalah menjadi tanggungjawab Umno untuk memberi penjelasan kepada pengikut-pengikut PAS dan mencabar mereka adakah benar kes rogol itu berlaku kerana kononnya tidak mengikut undang-undang jenayah PAS.

"Kita nak tahu kenapa banjir berlaku di Kelantan? Adakah ini kerana PAS

telah cuba memutar belitkan agama Allah, memutarbelitkan undang-undang Tuhan dengan mengemukakan undang-undang jenayah PAS yang boleh dipinda-pinda.

"Oleh itu segala malapetaka yang berlaku di Kelantan dan Terengganu seperti ayah rogol anak dan sebagainya ini adalah kerana pemerintahan PAS begitu buruk sekali...inilah balasan Tuhan kepada PAS sebab itu dia bah, macam-macam lagi malapetaka yang ada di Kelantan," katanya.

Beliau berkata rakyat tidak perlu takut dengan segala tuduhan PAS itu kerana semua tuduhan yang dibuat oleh parti itu adalah tidak berasas sama sekali.

"Bagi PAS apa saja adalah isu politik yang mesti dimainkan...orang mati ke, orang seksa ke...sebab itu semua isu politik (untuk) pancing undi," katanya.

-- BERNAMA
SN PR